

# **HAKIKAT ILMU KALAM: DEFINISI, MATLAMAT, METODE, TOPIK PERBINCANGAN DAN KEDUDUKANNYA DALAM ILMU-ILMU ISLAM \*\***

Oleh: Hasan Mahmud al-Shafe'i \*

Terjemahan: Wan Suhaimi Wan Abdullah

## **Abstract**

*Definition is considered among the most important introduction to any science. It normally reflects our perception and influences our judgment on any particular science or knowledge; on its necessity and relevency in our life, its place and connection within other fields of knowledge and most of all on its religious status especially from an Islamic point of view. Professor Hasan al-Shafe'i presents a clear picture of Kalām by demonstrating its important definitions of all ages together with its analysis and commentaries. This is to show the very nature of Kalām, as understood by the Muslim scholars, within the Islamic tradition. It also demonstrates various aspects of Kalām and how it has developed from the earliest*

---

\*\* Makalah ini adalah terjemahan Fasal Pertama dari buku Dr. Hasan Mahmūd al-Shāfe'ī (1991), *al-Madkhāl 'ilā Dirāsah 'Ilm al-Kalām*, Kaherah: Maktabah Wahbah, cet. ke-2, h. 13-23. Beberapa penyuntingan teks telah dilakukan oleh penterjemah agar ia dapat dipersembahkan dalam bentuk sebuah makalah tanpa mengubah sebarang maksud dan isi perbincangan asal.

\* Dr. Hasan Mahmūd 'Abd al-Latīf al-Shāfe'ī ialah profesor dalam bidang Falsafah Islam, khususnya dalam subjek Ilmu Kalam. Beliau adalah profesor kanan di Fakulti Dār al-'Ulūm, Universiti Kaherah, Kaherah, pernah menjawat jawatan dekan Fakulti Dār al-'Ulūm dan

*definition by Abū Ḥanīfah until the relatively recent definition by Muḥammad ‘Abduh. In addition, the article explains in brief the aim, the method and the major topics of Kalām, as well as its place in Islamic religious tradition.*

## Pengantar Penterjemah

Persoalan hakikat sesuatu ilmu, khususnya ilmu-ilmu yang berkait langsung dengan kefahaman agama Islam, biasanya diambil senang oleh kebanyakan orang, bahkan lebih malang lagi oleh sesetengah mereka yang bergelar ilmuwan. Ramai yang mendakwa memahami dan menguasai ilmu-ilmu asas dalam Islam, tapi persoalannya sejauh manakah kebenaran dakwaan mereka itu? Betulkah mereka memahaminya sebagaimana yang difahami oleh ‘ahli’ dalam ilmu-ilmu tersebut? Bagaimana boleh ditafsirkan fenomena-fenomena yang melihat bahawa sesetengah ilmu-ilmu ini, umpamanya Ilmu Kalam, sebagai ilmu yang tidak begitu relevan dalam kehidupan, bahkan dalam perkembangan akademik sesuatu institusi, khususnya institusi pengajian Islam, sehingga ada yang secara langsung ataupun tidak mempersoalkan kedudukannya sebagai antara ilmu-ilmu, teras dalam pengajian Islam. Tambahan pula, golongan-golongan yang berkecenderungan ‘salafi’ lebih selesa mengambil sikap menghukum terhadap ilmu-ilmu sebegini sebagai ‘tidak syar’i’ dan terus mengabaikannya. Kesannya ramai para pelajar dan ilmuwan memandang rendah kepentingan ilmu-ilmu sebegini dan seterusnya tradisi intellektual yang penting ini mula malap sinarnya. Akhirnya masyarakat Islam lebih senang untuk sekadar memahami akidah Islam secara zahir dan umum semata-mata, tanpa ada usaha untuk mendalaminya.

---

juga ketua Jabatan Falsafah Islam di fakulti yang sama. Beliau kini adalah Presiden Universiti Islam Antarabangsa Islamabad, Pakistan. Manakala Wan Suhaimi Wan Abdullah M.A., adalah pensyarah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Ini dari aspek kedudukan dan kepentingan Ilmu Kalam. Manakala dari aspek klasifikasinya dalam ilmu-ilmu semasa serta penentuan metodologi kajiannya, ia juga tidak kurang masalahnya. Persepsi yang terpengaruh dengan klasifikasi ilmu di Barat yang membahagikan ilmu umumnya kepada sama ada ‘Sains Tulin’ ataupun ‘Sains Sosial’, dengan segala metodologi dan pendekatannya, telah menghantui mentaliti golongan ilmuwan yang merasakan mereka mengetahui dan memahami warisan ilmu dan intellektual umatnya tadi. Mereka turut berusaha untuk mengklasifikasi ilmu-ilmu warisan (*turāth*) Islam ini dalam neraca Barat yang dilihat sebagai paling muktamad itu. Akhirnya metodologi dan pendekatan ‘Sains Sosial’ dilihat yang paling sesuai untuk ilmu-ilmu seumpama Ilmu Kalam, lantas ‘aranan’ untuk mengaplikasi metodologi tersebut mula dicanang dan fokus kajiannya juga terpesong daripada usaha memahami dan mengolah isu-isu asas dalam Ilmu Kalam mengikut tuntutan semasa kepada sekadar mengkaji dan mendokumentasi fenomena sosial umat Islam berkaitan kefahaman dan penghayatan Akidah. Para pengkaji dalam bidang Akidah lebih dipersoalkan aspek berkaitan responden yang terlibat dalam kajian serta sistem yang digunakan olehnya dalam menganalisis data, berbanding aspek sejauhmanakah mereka memahami dan menguasai isu, persoalan dan perkembangan intelektual yang diketengahkan oleh ulama’ Kalam itu sendiri. Akibatnya, kini kita agak sukar untuk menemui pakar dalam Ilmu Kalam, walaupun mungkin kedapatan ramai ‘sarjana sosial’ bagi isu-isu berkaitan Ilmu Kalam yang umumnya hebat dalam memaparkan data masalah akidah dalam masyarakat tanpa mampu mengutarakan penyelesaian yang mendasar.

Makalah yang dikemukakan terjemahannya ini merupakan suatu usaha untuk mengenangkan kepada para pembaca Melayu betapa Ilmu Kalam itu mempunyai nilai tradisi intellektualnya yang tersendiri, di samping peranannya yang tidak boleh diperlekehkan dalam mempertahankan akidah dan menolak dakyah kekeliruan akal dalam isu-isu keimanan. Pemahaman tentang hakikat Ilmu Kalam dari

aspek definisi, matlamat, metode, topik perbincangan dan kedudukannya dalam rangkaian ilmu-ilmu Islam diharap mampu memberikan suatu persepsi yang lebih adil terhadap kepentingan dan kedudukan Ilmu Kalam dalam ilmu-ilmu semasa, setidak-tidaknya dalam tradisi pengajian Islam.

## Pendahuluan

Perbahasan ini cuba mengetengahkan takrif asas Ilmu Kalam, tabiat perbahasan dan kedudukan Ilmu Kalam dalam tradisi ilmu-ilmu Islam serta peranannya yang berupa tonggak kepada perkembangan dan kemajuan Ilmu Kalam itu sendiri. Persoalan-persoalan ini akan dilihat dari pelbagai perspektif, dari dalam dan dari luar skop ilmu tersebut, dan dalam lingkungan zaman yang berlainan, agar ia dapat memberikan suatu gambaran yang jelas tentang kepelbagaiannya bentuk, dimensi serta peringkat-peringkat perkembangan Ilmu Kalam, walaupun secara umum. Pendekatan sebegini lebih baik jika dibandingkan dengan pendekatan yang hanya memfokuskan kepada sesuatu takrif tertentu dan menganalisisnya dari sudut lafadz dan istilah, sebagaimana yang terdapat dalam tradisi *al-ḥawāshi* (*super-commentary*), yang bukan sahaja tidak mampu mengupas persoalan ini secara mendalam bahkan menyekat perkembangan akal dalam mengkaji persoalan-persoalan tersebut dari sudut-sudut dan aliran-aliran yang berbagai. Pendekatan yang dikemukakan di sini bertujuan mengenengahkan suatu pengenalan dasar bagi ilmu ini, yang juga merupakan matlamat utama kajian ini secara keseluruhannya. Pengenalan ini, walaupun masih belum cukup memadai dalam usaha memahami ilmu ini secara menyeluruh, bahkan memang diakui bahawa kajian-kajian yang mendalam tentang topik-topik utama Ilmu Kalam serta perbahasan-perbahasannya masih perlu dilakukan, namun usaha ini sekurang-kurangnya diharapkan dapat membangkitkan selera para pengkaji untuk mengkaji dengan lebih terbuka dan perihatin terhadap bidang ilmu ini, *insya-Allah*.

### a. Takrif Ilmu Kalam

Kajian tentang hukum-hukum akidah dalam Syariah Islam atau tentang prinsip-prinsip universal keagamaan (*al-usūl al-dīniyyah al-kulliyah*) dalam Islam dikenali dengan nama Ilmu Kalam, Usuluddin, *al-Fiqh al-Akbar*, Ilmu Tauhid atau Ilmu ‘Aqā’id Islamiyyah. Makalah ini bertujuan untuk mentakrifkan ilmu yang dikenali dengan pelbagai nama di atas dengan membentangkan sebilangan takrif-takrif ilmu tersebut yang dikemukakan oleh sesetengah ulama’ dari kalangan *mutakallimūn* dan lainnya. Ini bertujuan untuk mengetahui tabiat dan ciri-cirinya berdasarkan kefahaman dan penelitian ilmiah terhadap takrif-takrif tersebut. Untuk membantu memperolehi kefahaman yang lengkap tentang takrif-takrif tersebut, sorotan-sorotan berkenaan topik, matlamat dan perbahasan-perbahasan penting Ilmu Kalam serta hubungannya dengan ilmu-ilmu agama yang lain akan turut dibentangkan dalam makalah ini.

Namun begitu, penulis dalam masa yang sama sedar bahawa percubaan awalan untuk mencapai matlamat di atas dan apa yang penulis kemukakan di sini - untuk menjelaskan hakikat Ilmu Kalam - bukanlah suatu Ta’rif Hakiki (*al-hadd al-haqīqi*), sebagaimana yang dibincangkan oleh ulama’ Mantik, namun ia hanyalah suatu Ta’rif *bi al-Rasm* (*Ta’rif bi al-Rasm*) sahaja. Ini kerana Ta’rif Hakiki atau pengetahuan tentang inti pati ilmu ini, atau sebarang ilmu lain, hanyalah akan diperolehi setelah dicapai pengetahuan yang lengkap tentang masalah-masalah serta perbahasan-perbahasan ilmu tersebut secara keseluruhannya. Berikut dikemukakan takrif-takrif penting Ilmu Kalam yang dikemukakan oleh para ilmuwan Islam.

#### Takrif Pertama

Takrif terawal Ilmu Kalam yang sampai kepada kita ialah takrif yang dikemukakan oleh salah seorang imam mujtahid pada kurun kedua Hijrah iaitu Imam Abū Hanīfah (150 H.), pengasas mazhab fiqh yang terkenal (Mazhab Hanafi) yang juga menduduki kedudukan yang tinggi di kalangan ulama’

Ahli Sunnah dalam pengasasan "Ilmu Kalam", atau Ilmu *al-Fiqh al-Akbar* sebagaimana yang digelar oleh beliau sendiri, *rāhimahūlLāh*. Salah seorang pengikut mutakhirnya meriwayatkan bahawa beliau dalam setengah risalahnya pernah berkata, yang antara lain boleh disimpulkan seperti berikut:

Ketahuilah bahawa *al-fiqh* dalam Usuluddin lebih utama dari *al-fiqh* dalam cabang hukum-hakam [...], sesungguhnya *al-fiqh* adalah pengetahuan jiwa terhadap apa yang harus baginya [mengetahuinya] dan apa yang wajib ke atasnya [melaksanakannya] dari persoalan-persoalan akidah dan amalan, [...] apa yang berkaitan dengan persoalan akidah dari perkara ini ialah *al-Fiqh al-Akbar*, manakala apa yang berkaitan dengan persoalan amalan ialah Fiqh.<sup>1</sup>

Takrif ini mengandungi beberapa perkara menarik untuk diperhatikan:

- i- Ia mengangkat kedudukan ilmu yang mengkaji hukum-hakam syarak yang berkaitan dengan masalah pegangan akidah - yang beliau namakan sebagai *al-Fiqh al-Akbar*; suatu penamaan yang mempunyai ciri keisti-mewaannya tersendiri - mengatasi kedudukan Ilmu Fiqh atau ilmu yang mengkaji hukum-hakam amali yang bersifat *furu'*. Ini berlandaskan hakikat bahawa ilmu yang akhir ini (Ilmu Fiqh) terbina di atas asas kesahihan pegangan tentang usuluddin, yang merangkumi persoalan mengenai Penggubal Syari'at (Allah SWT), mengetahui kesahihan penurunan syari'at serta [menyedari] kewajiban seseorang *mukallaf* itu beriltizam dengannya. Oleh yang demikian, akidah dianggap sebagai "usul", manakala Fiqh pula dianggap sebagai "cabang".

---

<sup>1</sup> Al-Bāyādī, Kamāl al-Dīn Ahmad (1949), *Ishārāt al-Murām min 'Ibārāt al-Imām*, Kaherah: Mustafā al-Halabī, h. 28-29. Teks Arabnya ialah seperti berikut:

اعلم أن الفقه في أصول الدين أفضل من الفقه في فروع الأحكام...، والفقه هو معرفة النفس ما يجوز لها من الاعتقادات والعمليات، وما يجب عليها منها... وما يتعلق منها بالاعتقادات هو الفقه الأكبر، وما يتعلق بالعمليات فهو الفقه.

- ii- Takrif ini membezakan di antara dua ilmu di atas (iaitu *al-Fiqh al-Akbar* dan Fiqh) berdasarkan perbezaan tabiat hukum-hakam syara' yang merupakan skop perbahasan kedua-dua ilmu ini. Ilmu yang berkaitan dengan hukum-hakam dari jenis pertama (hukum-hakam akidah) ialah *al-Fiqh al-Akbar* atau Kalam, dan ilmu yang berkaitan dengan jenis kedua ialah Fiqh.
- iii- Sesungguhnya ilmu tentang kedua-dua jenis hukum ini; iaitu prinsip-prinsip akidah dan hukum-hakam *furu'* yang bersifat amali, hendaklah didirikan di atas hujah yang jelas dan dalil yang benar; sama ada sumber dalil tersebut adalah dari syara' ataupun dari sumber akal yang diintisari dari syara' atau yang selaras dengannya. Ini perlu demi melayakkannya dianggap, oleh Imam ini, sebagai; 'kefahaman jiwa' (*fiqh al-nafs*) terhadap apa yang patut baginya (mengetahuinya) dan apa yang wajib ke atasnya (melaksanakannya). Berdasarkan fakta ini, al-Bayādī, pendokong mazhab Ḥanafi mutakhir telah merumuskan dari segugusan kata-kata imamnya itu takrif berikut:

*Al-Fiqh al-Akbar* ialah pengetahuan jiwa manusia, berlandaskan dalil-dalil, tentang prinsip-prinsip pegangan keagamaan yang sah baginya dan yang wajib ke atasnya.<sup>2</sup>

- iv- Seterusnya kami akhiri ulasan terhadap takrif awal Ilmu Kalam ini - yang ukuran perbezaannya (iaitu dengan disiplin ilmu-ilmu lain) dilihat dari sudut tabiat hukum-hakam syara' atau persoalan-persoalan yang dikaji dalam ilmu tersebut - dengan suatu pemerhatian bahawa takrif ini telah mempengaruhi segolongan ulama' kalam terkemudian, yang mempunyai hubungan dengan warisan Imam agung ini seperti al-Nasafi al-Matūrīdī (520 H.), di mana beliau dalam kitab *al-'Aqā'id al-Nasafiyah* dan *al-Taftazānī*, komentator kitab tersebut, menegaskan [takrif Ilmu Kalam] sebagaimana yang dapat disimpulkan seperti berikut:

<sup>2</sup> *Ibid.*, h. 30. Teks Arabnya ialah:

الفقه الأكابر هو معرفة النفس - عن الأدلة - ما يصح لها وما يجب عليها من العقائد  
الدينية

Sesungguhnya di antara hukum-hakam syara' ada yang berkaitan dengan cara beramat dan dinamakan 'cabang' (*far'iyyah*) dan 'amali' (*'amaliyyah*); dan ada yang berkaitan dengan akidah dan dinamakan sebagai 'asal' (*'asliyyah*) dan 'kepercayaan' (*i'tiqādiyyah*). Sesungguhnya mereka (para ulama') menamakan ilmu yang menghasilkan pengetahuan hukum-hakam amali berdasarkan dalil-dalilnya yang terperinci sebagai 'Fiqh', dan ilmu yang menghasilkan pengetahuan tentang akidah berdasarkan dalil-dalilnya sebagai 'Kalam'.<sup>3</sup>

Roh atau pengaruh mazhab Hanafi ini dapat dilihat juga pada al-Kamāl bin al-Hummām dalam bukunya *al-Musāyarah* yang berkata:

Sesungguhnya Kalam adalah pengetahuan jiwa manusia terhadap apa yang wajib baginya (mengetahuinya) tentang akidah yang dinisbahkan kepada agama Islam berdasarkan dalil-dalil.<sup>4</sup>

Dari sini pengarang buku *al-Musāmarah*, *sharḥ* kepada buku *al-Musāyarah* di atas merumuskan bahawa takrif ini diambil dari kata-kata Abū Ḥanīfah r.a.<sup>5</sup>

## Takrif Kedua

Apabila kita beralih ke kurun keempat Hijrah, kita dapati seorang ahli falsafah yang masyhur iaitu Abū Naṣr al-Fārābī (m. 339 H.) mentakrifkan Ilmu Kalam, dalam usaha beliau mengklasifikasikan ilmu-ilmu pengetahuan zamannya dalam

<sup>3</sup> Lihat al-Taftāzānī, Sa'd al-Dīn (t.t.), *Sharḥ al-'Aqā'id al-Nasafiyah*, Karachi: Nūr Muḥammad, h. 4 dan seterusnya. Teks Arabnya ialah:

إن الأحكام الشرعية منها ما يتعلّق بكيفيّة العمل وتسمى فرعية وعملية، ومنها ما يتعلّق بالاعتقاد وتسمى أصلية واعتقادية. وقد سموا ما يفيد معرفة الأحكام العملية عن أدلةها التفصيلية بالفقه، ومعرفة العقائد عن أدلتها بالكلام.

<sup>4</sup> Teks Arabnya ialah:

والكلام هو معرفة النفس ما عليها من العقائد المنسوبة إلى دين الإسلام عن الأدلة.

<sup>5</sup> Kamāl al-Dīn ibn Abī Sharīf, *al-Musāmarah Sharḥ al-Musāyarah*, Kaherah: al-Sa'ādah, h. 10.

karya beliau '*Iḥṣā’ al-‘Ulūm*', di mana al-Fārābī turut membezakan di antara Ilmu Kalam dan Fiqh, tetapi berlandaskan asas yang berlainan, katanya:

'Kesenian' (*śinā’ah*) Kalam menjadikan manusia mampu untuk mendokong pandangan-pandangan dan perbuatan-perbuatan tertentu yang ditegaskan oleh Allah SWT (*Wādi’ al-Millah*<sup>6</sup>) dan [dalam masa yang sama mampu] membuktikan kepalsuan aliran yang menyalahinya. Ia juga terbahagi kepada dua bahagian; satu bahagian berkaitan dengan aspek teori (*al-‘ārā’*) dan satu bahagian lagi berkaitan aspek perlakuan (*al-af’āl*). Ia bukan Fiqh kerana Fiqh mengambil pandangan-pandangan dan perlakuan-perlakuan yang telah ditegaskan oleh Allah SWT (*Wādi’ al-Millah*) sebagai suatu yang pasti dan menjadikannya sebagai dasar-dasar, seterusnya mengeluarkan dari dasar-dasar tersebut perkara-perkara yang terlazim darinya [...] manakala seorang *mutakallim* mendokong perkara-perkara yang dipergunakan oleh seorang *faqīh* sebagai dasar, tanpa dia mengeluarkan darinya perkara-perkara lain.<sup>7</sup>

Keistimewaan takrif ini, yang boleh dikatakan hanya dipelopori oleh al-Fārābī, adalah dari aspek-aspek berikut:

- 
- <sup>6</sup> Al-Fārābī dalam takrifnya ini menggunakan istilah 'Pengasas Agama' (*Wādi’ al-Millah*) untuk merujuk kepada Allah SWT selaku Tuhan yang mewahyukan agama Islam kepada manusia. Penggunaan istilah ini mungkin bertujuan menjadikan takrif yang dikemukakan ini terpakai bukan sahaja untuk Islam, namun boleh digunakan untuk mana-mana agama atau pegangan kepercayaan yang dicipta dan diasaskan oleh manusia atau tuhan - [penterjemah].
- <sup>7</sup> Al-Fārābī, Abū Nasr (1968), *Iḥṣā’ al-‘Ulūm*, ed. ‘Uthmān Amin, Kaherah: Maktabah al-Anglo al-Misriyyah, h. 69-70. Teks Arabnya:

صناعة الكلام يقتدر بها الإنسان على نصرة الآراء والأفعال المحددة التي صرحت بها واضع الملة وتزيف كل ما خالفها، وهذا ينقسم إلى حزتين أيضاً: جزء في الآراء وجزء في الأفعال. وهي غير الفقه لأن الفقه يأخذ الآراء والأفعال التي صرحت بها واضع الملة مسلمة وبجعلها أصولاً فيستتبط منها الأشياء الالزامة عنها والمتكلم ينصر الأشياء التي يستعملها الفقيه أصولاً، من غير أن يستتبط منها أشياء أخرى.

i- Al-Fārābī, sebagaimana yang diamati oleh Syeikh Muṣṭafā 'Abd al-Rāziq:

"bukanlah bermaksud untuk menerangkan tentang ilmu Kalam Islam dan perbezaannya dengan ilmu Fiqh menurut istilah ulama' Islam, sebaliknya tujuan beliau ialah memperkatakan tentang ilmu-ilmu ke-agamaan secara amnya di mana beliau kategori-kannya kepada dua kelompok ilmu; pertama, kelompok yang mengkaji apa yang menjadikan manusia mampu untuk mengeluarkan [sesuatu hukum] dari nas-nas agama yang dipetik dan diterima secara pasti, dan sekelompok lagi ialah yang mengkaji apa yang menjadikan manusia mampu mendokong akidah dan hukum-hakam yang didatangkan oleh agama serta mampu menyatakan kepalsuan segala apa yang mencanggahinya dengan dalil-dalil akal."<sup>8</sup>

Al-Fārābī, berdasarkan hakikat ini, memang mengetahui kajian-kajian berkaitan ketuhanan (*al-Lāhūtiyyah*) atau Theologi ataupun pemikiran keagamaan yang biasa berkembang di bawah naungan mana-mana agama atau sistem kepercayaan, dan inilah apa yang beliau maksudkan dengan perkataan *millah*,<sup>9</sup> iaitu demi mengitibarkan kesahihan pernyataan-pernyataan [keagamaan] dan hukum-hakamnya, serta mempertahankannya (iaitu pernyataan dan hukum-hakam tersebut) dengan dalil-dalil 'akli dan nakli.

ii- Takrif ini, walaupun ia menyamai takrif sebelumnya dari aspek pembahagian kajian-kajian yang berkaitan dengan nas dan hal-ehwal keagamaan kepada dua bahagian; Fiqh dan Kalam - iaitu tanpa kita lihat kepada ilmu-ilmu yang hanya menumpukan aspek periyawatan dan penukilan nas-nas tersebut - namun takrif ini membezakan di antara keduanya (Fiqh dan Kalam) bukan di atas asas bahawa hukum yang dikaji dalam kedua-dua ilmu itu berbentuk teori atau amali, tetapi berdasarkan tujuan pengkajian;

<sup>8</sup> 'Abd. al-Rāziq, Muṣṭafā (1959), *Tamhīd li Tārīkh al-Falsafah al-Islāmiyyah*, Kaherah: Matba'ah al-Lajnah al-Ta'līf wa al-Tarjamah wa al-Nashr, h. 259.

<sup>9</sup> Lihat al-Fārābī, Abū Nasr (1965), *Kitāb al-Millah*, Beirut, (pendahuluan)

sekiranya ia bertujuan mengeluarkan hukum-hakam baru dari hukum asal, maka ia adalah 'Fiqh' dan sekiranya tujuannya adalah untuk memperkuuhkan hukum-hakam asal (*al-ahkām al-asliyyah*) dengan dalil-dalil yang baru atau menolak kekeliruan yang ditimbulkan oleh pembantah mengenainya, maka ia adalah 'Kalam'. Kedua-dua ilmu ini, Fiqh dan Kalam, menurut al-Fārābī mengandungi hukum-hakam teori dan amali (iaitu pandangan dan perbuatan tertentu) dan kedua-duanya adalah berasaskan nas-nas asal. Akal digunakan sama ada dalam proses mengeluarkan hukum ataupun mempertahankannya. Pandangan al-Fārābī ini, sebagaimana yang dapat diperhatikan, menunjukkan bahawa peranan akal dalam Ilmu Kalam lebih jelas berbanding dengan peranannya dalam Fiqh.

iii- Al-Fārābī membezakan di antara dua aspek dalam Ilmu Kalam itu sendiri: Pertama ialah aspek positif yang menjurus kepada matlamat mengithbatkan akidah dan hukum-hakam yang terkandung dalam agama (*millah*) dengan pelbagai dalil, dan kedua ialah aspek negatif yang menjurus kepada membuktikan kepalsuan semua aliran yang menyalahi atau bertentangan dengannya. Kesan pembahagian aspek ilmu Kalam ini dapat dilihat kemudiannya pada tokoh-tokoh seperti al-Ghazālī dan Ibn Khaldūn, walaupun al-Ghazālī lebih memfokuskan kepada peranan negatif Ilmu Kalam berbanding dengan Ibn Khaldūn yang lebih cenderung menghimpunkan di antara keduanya.

iv- Seterusnya takrif falsafah bagi Ilmu Kalam ini kelihatan beradun dengan semangat Muktazilah, sebagaimana yang dinyatakan oleh Abū Ḥayyān al-Tawhīdī (w 400 H.), seorang sasterawan yang berkecimpung dalam kedua-dua bidang Falsafah dan Kalam. Beliau berkata:

"Adapun Fiqh, sesungguhnya perbahasannya berkisar sekitar persoalan halal dan haram dan [sekitar] mengkaji-selidik sebab-sebab (*al-'ilal*) bagi sesuatu permasalahan dan hukum-hakam. Manakala Ilmu Kalam, sesungguhnya ia adalah suatu bab dari penyelidikan tentang Usuluddin di mana kajian-kajianinya, yang berasaskan akal semata-mata, berkisar sekitar 7 persoalan konsep baik (*Taḥṣīn*), buruk

(*Taqbīh*), persoalan *Iḥālah*<sup>10</sup> dan *Tashīḥ*<sup>11</sup> ... dan topiknya ini hampir sama dengan topik Fiqh. Perbincangan tentang kedua topik ini ada persamaannya (*mush̄tarik*), walaupun dari aspek yang lain terdapat kelainan dan perbezaan di antara keduanya...”<sup>12</sup>

### Takrif Ketiga

Seterusnya apabila kita tiba di permulaan kurun keenam Hijrah, kita dapati al-Ghazālī (m. 505H.) seorang *mutakallim* al-Asy'ari yang berkecenderungan tasawuf berbicara tentang Ilmu Kalam dalam karyanya *al-Munqidh Min al-Dalāl*, katanya:

“... sesungguhnya matlamatnya ialah menjaga akidah *Ahl al-Sunnah* dan mengawasinya dari penyelewengan (*tashwīsh*) golongan yang bid’ah (*ahl al-bid’ah*) [...] ya, tatkala kesenian Ilmu Kalam berkembang dan banyak penglibatan [ulama] dalamnya [...] para *mutakallimūn* cenderung melampaui batasan al-Sunnah dengan mengkaji hakikat-hakikat benda dan terlibat dalam kajian tentang *jawāhir*<sup>13</sup> dan ‘*a’rād*<sup>14</sup> serta hukum-hukumnya, namun apabila perkara ini bukan-

<sup>10</sup> Ia mungkin bermaksud mempertahanan dan memperjelaskan akidah dengan hujah-hujah dan penjelasan-penjelasan tertentu - [penterjemah].

<sup>11</sup> Ini mungkin bererti persoalan memperbetulkan penyelewengan-penyelewangan berkaitan akidah sama ada dari aspek kefahaman mahupun penghujahan - [penterjemah].

<sup>12</sup> Muṣṭafā Abd al-Rāziq, *Tamhīd*, h. 258. Lihat juga Zakaria Ibrāhīm (t.t.), *Abū Hayyān al-Tawhīdī Adīb al-Falāsifah wa Faylasūf al-Udabā'*, Kaherah, (*Silsilah ’A'lām al-’Arab*), h. 40. Teks Arabnya:

أما الفقه فإنه دائـر بين الـحلـل والـحرـام وبين اعتـبار العـلل في القـضاـيا والأـحـكام. وأـما عـلم الـكـلام فإـنه بـاب من الـاعـتـبار فـي أـصـول الـدـين يـدور النـظر فـيه عـلـى محـض العـقل فـي التـحسـين والتـقـيـب والتـصـحـيـح... وـيـاـهـ بـجاـوـر لـبـاب الـفـقـهـ، وـالـكـلامـ فـيـهـما مـشـترـكـ وـإـنـ كـانـ بـيـنـهـما اـنـفـسـالـ وـتـبـيـانـ...

<sup>13</sup> *Jawāhir* atau kata tunggalnya *jawhar* (Inggeris: *substance*) dalam istilah falsafah digunakan dengan pelbagai maksud antaranya ialah: 1) Kewujudan yang wujud dan bergantung pada dirinya (*al-mawjūd al-qā'im bi nafsīhi*), sama ada ianya kewujudan baru (*hādīth*) mahupun kewujudan *qadīm*, lawannya ialah ‘*arād*; 2) Suatu zat yang menerima sifat-sifat yang berlawanan atau bertentangan; 3) Suatu hakikat atau *māhiyyah* (*quiddity*) yang apabila ia wujud di alam zahir (*fī al-a'yān*) ia

lah merupakan matlamat sebenar ilmu mereka itu, maka perbincangan mereka tidak mencapai matlamat akhirnya. Maka tiada terhasil dari perbincangan mereka itu sesuatu yang mampu melenyapkan secara keseluruhan segala kegelapan kehairanan yang terbit dari perselisihan [pendapat] manusia (iaitu mengenai isu-isu kalāmiyyah). Saya tidak menyatakan bahawa hal ini terlalu sukar untuk berlaku pada orang lain, sebaliknya saya tidak syak lagi bahawa hal ini memang telah terjadi pada suatu kelompok...”<sup>15</sup>

tidak wujud pada suatu lokasi atau tempat (*mawdū’*); 4) Kewujudan yang tidak memerlukan tempat untuk ia menempatinya, lihat Jamil Ṣalibā (1982), *al-Mu’jam al-Falsafi*, Beirut: Dār al-Kitāb al-Lubnāniyyah dan Kaherah: Dār al-Kitāb al-Misri, 1: 424. Bandingkan dengan al-Ghazālī (1990), *Mi’yār al-Ilm fi al-Mantiq*, dengan sharh A. Shams al-Din, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 291. [Penterjemah]

<sup>14</sup> ‘A’rād atau kata tunggalnya ‘araḍ (Inggeris: accident) boleh diertikan sebagai: 1) suatu yang berupa lawan kepada *jawhar*. Ini kerana *jawhar* ialah apa yang wujud dengan dzatnya dan ia tidak berhajat kepada sesuatu selain dzatnya untuk wujud. Manakala ‘araḍ ialah suatu yang berhajat kepada benda lain untuk ia wujud. Sebagai contoh, suatu jisim itu adalah *jawhar* yang wujud dengan dzatnya, manakala warna itu adalah ‘araḍ kerana ia tidak wujud melainkan pada jisim tersebut. Jadi, segala sesuatu yang bertempel pada *jawhar* sama ada ia adalah warna, perisa, rasa dan sebagainya, ia adalah ‘araḍ kerana semua ini tidak mungkin wujud dengan sendirinya (tanpa bergantung kepada benda lain); 2) Sesuatu yang lawan kepada hakikat atau *māhiyyah*. Ia adalah suatu yang tidak termasuk dalam unsur-unsur pewujudan tabi’i sesuatu benda atau dzat. Ini seperti berdiri dan duduk bagi manusia, kedua-duanya bukanlah termasuk dalam pewujudan hakikat atau *māhiyyah* manusia (dengan maksud kewujudan seorang manusia tidak terjejas dengan wujud atau tidak wujudnya kedua-dua ‘araḍ di atas), lihat Jamil Ṣalibā, *Ibid.*, 2:69. Bandingkan dengan al-Ghazālī (1990), *Mi’yār al-Ilm*, h. 292. [Penterjemah]

<sup>15</sup> Al-Ghazālī, Abū Ḥamid (1962), *al-Munqidh min al-Dalāl*, ed. ‘Abd Halim Maḥmūd, Kaherah, h.132-137. Teks asalnya:

وإما مطلوبه حفظ عقيدة أهل السنة وحرستها عن تشويش أهل البدعة... نعم لما نشأت صنعة الكلام وكثير الخروض فيه... تشوّق المتكلمون إلى محاوزة الذَّبَّ عن السنة بالبحث عن حقائق الأمور وخاضوا في البحث عن الجواهر والأعراض وأحكامها، لكن لم يكن ذلك مقصود علمهم لم يبلغ كلامهم في الغاية القصوى، فلم يحصل منه ما يحجز بالكلية ظلمات الحيرة في اختلاف الحقائق. ولا أبعد أن يكون حصل ذلك لغوري، بل لست أشك في حصول ذلك لطائفقة...

i- Pandangan-pandangan ini, yang juga ditegaskan oleh al-Ghazālī dalam karya-karyanya yang lain,<sup>16</sup> adalah lebih berupa kritikan atau analisis objektif terhadap Ilmu Kalam; iaitu dari aspek faktor-faktor kemunculannya serta perkembangannya; dari [sekadar untuk] membela akidah dan menolak segala kekeliruan di sekitarnya sehingga ia lahir sebagai suatu pengkajian menyeluruh tentang kewujudan (*al-wujūd*) demi tujuan menjaga akidah dan sekaligus membentenginya [dari kepalsuan]; dari aspek peranannya iaitu sebagai pembela akidah dan bukannya untuk melahirkan akidah atau menguatkannya; dari aspek metodenya yang rasional dan logik yang sememangnya tidak sesuai [digunakan] untuk semua golongan manusia sebaliknya [hanya sesuai] untuk sesetengah dari mereka sahaja.

ii- Namun begitu, apa yang menarik perhatian di sini ialah al-Ghazālī membicarakan tentang Kalam seolah-olah ia hanyalah suatu fenomena Sunni sedangkan Kalam merangkumi pelbagai aliran dan usaha [ilmiah] yang matlamatnya bukan semestinya demi “mengawasi akidah Ahl al-Sunnah dan menjaganya dari penyelewengan golongan yang sesat”. Al-Ghazālī di sini mungkin memperkatakan tentang Kalam yang dipraktik oleh beliau sendiri atau beliau mungkin bermaksud menolak pandangan golongan tertentu dari kalangan Ahl al-Sunnah yang berpendapat bahawa memang Kalam tidak diperlukan, lalu beliau menerangkan asas-asas keperluannya yang praktikal (*dawā'ihi al-wāqi'iyyah*), dan ini juga mungkin merupakan rahsia di sebalik penegasan beliau terhadap aspek negatif ilmu ini.

iii- Dengan takrif ini, al-Ghazālī boleh dianggap sebagai pendefinisi yang lebih spesifik dalam mentakrif Ilmu Kalam berbanding takrif-takrif yang disebut sebelum ini. Ini jelas dari apa yang beliau sebut pada awal kitabnya *Iḥyā'*, dalam bab kedua dari ‘Kitāb al-‘Ilm’:

<sup>16</sup> Lihat al-Ghazālī, Abū Ḥāmid (t.t.), *al-Iqtisād fī al-Itiqād*, Kaherah: al-Maṭba'ah al-Mahmūdiyyah al-Tijāriyyah, h.13 dan h. 19, dan dalam *Iḥyā'* 'Ulūm al-Dīn, Kaherah, bab *Qawā'id al-'Aqā'id*, j. 1: h. 89 dan seterusnya.

Manusia berselisih pendapat tentang ilmu yang diwajibkan ke atas setiap Muslim ... maka berkata *Mutakallimūn*: 'ia adalah Ilmu Kalam sebab dengan-nyalah manusia akan memahami tauhid dan mengetahui zat Allah SWT dan sifatnya...'<sup>17</sup>

### Takrif Keempat

Kemudian pada kurun-kurun yang seterusnya, iaitu dari kurun ketujuh hingga kurun kesembilan Hijrah, kita dapati beberapa takrif yang menekankan kedua-dua aspek; aspek positif dalam Ilmu Kalam, iaitu yang bertujuan menetapkan pegangan-pegangan keagamaan (*al-'aqā'id al-dīniyyah*) dan aspek negatifnya yang menjurus kepada [usaha] menolak segala kesamaran mengenainya. Di samping itu, takrif-takrif ini juga menekankan bahawa pada realitinya ia mencakupi kesemua aliran yang menisbahkan dirinya kepada Islam atau aliran yang menyandarkan pandangan-pandangan peribadi mereka kepada Islam, walaupun ianya tidak benar, dan ia tidak terhenti hanya pada mendokong pendapat-pendapat Ahl al-Sunnah semata-mata sebagaimana yang disebut oleh Imam al-Ghazālī dalam teks yang dikemukakan sebelum ini. Di antara takrif-takrif tersebut ialah:

i- Takrif al-Baydāwī al-Asy'ari:

Ilmu Kalam ialah ilmu yang mana manusia mampu dengannya untuk menetapkan pegangan-pegangan keagamaan, dengan mengemukakan hujah-hujah ke atasnya (bagi mengithbatkannya) dan menolak kesamaran-kesamaran [berkaitan] darinya.<sup>18</sup>

Jelas dari takrif ini bahawa matlamat Ilmu Kalam ialah demi mewujudkan suatu keupayaan ilmiah kepada pengkajiannya untuk menetapkan pegangan-pegangan yang didatangkan oleh wahyu serta dalam masa yang sama mampu mempertahankannya.

<sup>17</sup> Al-Ghazālī, *Iḥyā'*, 1: 14-15.

<sup>18</sup> Al-Baydāwī (1323H.), *al-Tawāli' bi Sharḥ al-Mir'ashi*, Kaherah, h. 4. Teksnya ialah:

علم يقتدر معه على إثبات العقائد الدينية، بإيراد الحجج عليها ودفع الشبه عنها.

ii- Seterusnya al-'Ijī (756H) memperkuatkan pandangan di atas dengan katanya:

Kalam ialah ilmu yang mana seseorang itu mampu dengannya menetapkan akidah keagamaan, dengan mengemukakan hujah-hujah dan menolak kesamaran-kesamaran. Apa yang dimaksudkan dengan 'akidah' di sini ialah yang merujuk kepada zat akidah itu sendiri dan tidak termasuk amalan, manakala sifat 'keagamaan' pula merujuk kepada agama nabi Muhammad s.a.w. Sesungguhnya golongan pembantah [dalam hal-hal akidah ini] tidak kami keluar-kan mereka dari kelompok ulama' Kalam, walaupun kami sangkal dan tolak pandangan mereka...<sup>19</sup>

Dengan demikian, pengkajian dalam Ilmu Kalam turut merangkumi mazhab-mazhab yang bid'ah, walaupun ianya terbukti salah setelah dinilai, selagi golongan yang berpegang dengan pandangan sedemikian - disebabkan kekeliruan yang menyelubungi mereka - menisbahkan pandangan tersebut kepada agama Islam.

iii- Al-Jurjānī (816H.) pula menambah serta memperjelaskan lagi [takrif Ilmu Kalam] dengan membandingkan di antara Fiqh dan Kalam dari satu sudut dan di antara Kalam dan Falsafah dari sudut yang lain. Beliau berkata dalam kitabnya *al-Ta'rīfāt*:

Fiqh [...] ialah ilmu tentang hukum-hakam syarak yang amali, yang diperolehi dari dalil-dalilnya yang terperinci. Manakala Kalam ialah ilmu yang mengkaji persoalan berkaitan Zat dan Sifat Allah SWT serta hal-hal Kewujudan Mungkin (*al-Mumkināt*) seperti asal kejadian (*al-Mabda'*) dan Hari Kebangkitan (*al-Mā'ād*) berlandaskan kanun Islam [...] dan kenyataan

<sup>19</sup> Al-'Ijī, 'Iqd al-Dīn (1386H.), *Al-Mawāqif bi Sharḥ al-Jurjānī*, al-Qustantīniyyah, h. 14-15. Teks Arabnya ialah:

وَالْكَلَامُ عِلْمٌ يَقْتَدِرُ مَعَهُ عَلَى إثباتِ الْعَقَائِدِ الْدِينِيَّةِ بِإِيَادِ الْحَجَّاجِ وَدُفْعِ الشَّبَهِ، وَالْمَرَادُ بِالْعَقَائِدِ مَا يَقْصُدُ فِيهِ نَفْسُ الاعْتِقَادِ دُونَ الْعَمَلِ، وَبِالْدِينِيَّةِ الْمُنْسُوبَةِ إِلَى دِينِ مُحَمَّدٍ عَلَيْهِ السَّلَامُ؛ فَإِنَّ الْحَصْمَ وَإِنْ خَطَّانَاهُ لَا يَخْرُجُهُ عَنْ عِلْمِ الْكَلَامِ...

akhir ini (iaitu berlandaskan kanun Islam) memisahkanya dari metafizik (*al-'Ilm al-'Ilāhi*) bagi golongan ahli falsafah.<sup>20</sup>

iv- Seterusnya kita dapati Ibn Khaldūn (807H.), seorang ahli falsafah sosial dan sejarahwan sezaman dengan al-Jurjānī, menghimpunkan di antara pandangan 'komprehensif' (*nazrah shāmilah*) tentang Ilmu Kalam ini dan pandangan al-Ghazālī di mana beliau mentakrifkan Ilmu Kalam sebagai:

Ilmu yang mengandungi penghujahan-penghujahan tentang pegangan-pegangan keimanan berdasarkan dalil-dalil akal dan penyangkalan ke atas golongan-golongan yang menyeleweng dalam hal-hal akidah.<sup>21</sup>

Pandangan yang hampir sama dengan pandangan ini turut diperkatakan oleh para ilmuwan kurun-kurun berikutnya seperti al-Tahānawī dalam kitabnya *Kashshāf*,<sup>22</sup> al-Sanūsī dalam *Muqaddimahnya*,<sup>23</sup> al-Bājūrī dalam *Risālahnya*<sup>24</sup> dan al-Mayhī dalam *sharḥ* beliau ke atas *Manzūmahnya*.<sup>25</sup>

### Takrif Kelima

Pada kurun akhir ini, iaitu kurun keempat belas Hijrah, kita dapati Sheikh Muhammad 'Abduh (1323H./1905M.) men-

<sup>20</sup> Dinukil dari Sheikh Muṣṭafā 'Abd al-Rāziq dalam *al-Tamhīd*, h. 258. Teks asalnya ialah:

الفقه... هو العلم بالأحكام الشرعية العملية، المكتسب من أدلةها التفصيلية. والكلام علم يبحث فيه عن ذات الله تعالى وصفاته وأحوال المكبات من المبدأ والمعاد على قانون الإسلام... والقيد الأخير لخارج العلم الإلهي لل فلاسفة

<sup>21</sup> Ibn Khaldūn, 'Abd al-Rahmān (t.t.), *al-Muqaddimah*, Kaherah: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, h. 400. Teks asalnya ialah:

علم يتضمن الحاج عن العقائد الإيمانية بالأدلة العقلية والرد على المترفين في الاعتقادات

<sup>22</sup> Lihat Sheikh 'Abd al-Rāziq, *al-Tamhīd*, h. 263-264.

<sup>23</sup> Al-Sanūsī (t.t.), *al-Sanūsī bi Sharḥ al-Bayjūrī*, Kaherah, h. 12.

<sup>24</sup> Lihat al-Shabrāwī (t.t.), *al-Qawl al-Mufid Sharḥ Risālah al-Tawḥīd li al-Bājūrī*, Kaherah: Matba'ah 'Alī Sabīh, h. 10.

<sup>25</sup> Lihat al-Mayhī (t.t.), *Hāshiyah 'alā Manzūmat al-Jawhar al-Farīd fi 'Aqā'id al-Tawḥīd*, Kaherah, h. 11.

takrif ilmu ini pada pendahuluan *Risālahnya* yang masyhur sebagai:

Ilmu yang mengkaji persoalan wujud Allah SWT dan segala sifat yang wajib diithbatkan kepadaNya, sifat yang harus bagiNya dan sifat yang wajid dinafikan dariNya SWT, di samping persoalan-persoalan berkaitan para rasul dan sifat-sifat yang wajib bagi mereka, sifat yang harus dinisbahkan kepada mereka dan sifat yang tertegah dari dikaitkan dengan mereka [...]<sup>26</sup>

Beliau dengan ini mentakrif ilmu ini berdasarkan topik perbahasan ilmu tersebut atau persoalan-persoalan utama yang dibahaskan dalamnya. Walau bagaimanapun, beliau di sini sebenarnya tidak merangkumkan keseluruhan persoalan yang dibahaskan dalam ilmu tersebut kerana beliau telah mengabaikan sesetengah persoalan asas Ilmu Kalam seperti persoalan *al-Sam'iyyāt* misalnya yang memperkatakan tentang persoalan Hari Kebangkitan dan perkara-perkara yang akan berlaku selepasnya. Ini di samping pengabaian beliau dari memperkatakan tentang aspek negatif dari topik-topik perbincangan Ilmu Kalam.

Demi memperjelaskan lagi tabiat ilmu ini kami tambah di sini perbincangan-perbincangan seterusnya. Dalam usaha menyimpulkan takrifan ilmu ini kita boleh nyatakan bahawa: "Ilmu Kalam ialah ilmu yang mengkaji hukum-hakam syarak berkaitan akidah yang menyentuh persoalan ketuhanan atau kenabian atau perkara-perkara yang didengar [dari sumber wahyu] (*al-Sam'iyyāt*) dengan tujuan untuk membuktikan kebenarannya dan menolak kekeliruan-kekeliruan [berkaitan] darinya". Takrif sebegini sekali gus menjelaskan persoalan-persoalan penting ilmu ini atau skop kajiannya, iaitu merangkumi ketiga-tiga bidang asas;

<sup>26</sup> Muhammad 'Abduh (1960), *Risālah al-Tawḥīd*, Kaherah, h. 4. Teks asalnya ialah:

علم يبحث فيه عن وجود الله وما يجب أن يثبت له من صفات وما يجوز أن يوصف به  
وما يجب أن ينفي عنه، وعن الرسول وما يجب أن يكونوا عليه وما يجوز أن ينسب  
إليهم وما يمتنع أن يلحق بهم...

Ketuhanan, Kenabian dan Perkara-perkara ghaib sebagaimana biasanya diterangkan sejak dahulu, walaupun tidak dinafikan kedapatan sesetengah para ilmuwan mutakhir yang menyusun persoalan-persoalan ini dengan tiga pembahagian baru, iaitu mereka kata: lanya merangkumi persoalan-persoalan yang berkaitan dengan Allah SWT, Alam dan Manusia.

Sebagai menyempurnakan faedah di sini dikemukakan analisis bagi salah satu daripada takrif-takrif yang tersebut di atas, iaitu takrif al-'Ijī dalam kitab *al-Mawāqif*, sebagaimana yang dikemukakan oleh al-Tahānawī dalam *al-Kashshāf*.

Ia adalah ilmu yang seseorang itu mampu bersama-sama mengitibaikan akidah keagamaan kepada orang lain dengan mengemukakan hujah-hujah dan menolak kesamaran-kesamaran.<sup>27</sup>

Kata al-Tahānawī:

Maka yang dimaksudkan dengan 'ilmu' di sini ialah maknanya yang umum atau ia adalah suatu pembenaran (*al-taṣdiq*) yang mutlak agar merangkumi pemahaman yang salah tentang sebarang akidah dan pendalilan-pendalilan ke atasnya. Ia juga mungkin dimaksudkan sebagai 'apa yang diketahui' (*al-ma'lūm*), namun secara yang agak sukar [difahami], iaitu dengan mengatakan bahawa: 'ilmu' itu ialah 'apa yang diketahui (*al-ma'lūm*) yang mana manusia mampu dengannya, iaitu dengan ilmu tentangnya .... dan seterusnya'. Kemudian, dalam ungkapan 'mampu' (*al-iqtidār*), wujudnya pemakluman tentang 'kemampuan yang sempurna', dan dengan menyebut 'kebersamaan' (iaitu perkataan 'bersamanya') ia berupa pernyataan tentang 'kebersamaan yang berterusan', maka takrif ini menepati 'ilmu tentang kesemua akidah, dengan segala dalil yang terhenti pengitibaikan akidah tersebut padanya serta peno-

<sup>27</sup> Teks Arabnya ialah:

وهو علم يقتدر معه على إثبات العقائد الدينية على الغير بإياد الحجج ودفع الشبه

lakan kesamaran-kesamaran mengenainya', kerana sesungguhnya kemampuan [untuk melaksanakan tugas] pengithbatan itu wujud bersama ilmu ini dan bukan bersama ilmu tentang kaedah-kaedah semata-mata, iaitu kaedah-kaedah yang dikeluarkan darinya format-format pendalilan (*suwar al-dalā'il*) semata-mata [...] Dan pada pemilihan perkataan 'mampu' berbanding perkataan 'mengithbat' ialah petunjuk bahawa berlakunya pengithbatan [akidah] itu bukanlah suatu yang pasti dalam ilmu ini. Dan pada pemilihan perkataan 'bersamanya' (*ma'ahu*) berbanding perkataan 'dengannya' (*bihi*), walaupun ungkapan ini digunakan secara meluas, ialah suatu pernyataan untuk menafikan implikasi sebab-musabab yang hakiki yang biasanya difahami dari perkataan 'dengan', kerana apa yang dimaksudkan di sini ialah suatu 'turutan tertib' yang biasa. Dan pada pemilihan perkataan 'mengithbatkan akidah' (*ithbāt al-'aqā'id*) berbanding ungkapan 'menghasilkannya' (*tahṣīl*) ialah demi menjelaskan bahawa hasil (*thamarah*) Ilmu Kalam ialah mengithbatkannya kepada orang lain, dan bahawa sesungguhnya akidah itu hendaklah diambil dari syara' agar ianya diakui, walaupun ia dianggap termasuk dalam hal-hal yang mampu dicapai oleh akal secara bersendirian. Di sini tidak wajar difahami perkataan '*ithbat*' sebagai 'penghasilan' (*al-tahṣīl*) dan 'pencapaian' (*al-iktisāb*) kerana ini akan bererti bahawa pengetahuan tentang akidah semata [tanpa menganutnya] tidak dianggap sebagai 'hasil' Ilmu Kalam, dan ini jelas tidak benar ... Manakala perkataan 'hujah-hujah' dan 'kesamaran-kesamaran' pula bukanlah bermaksud hujah-hujah dan kesamaran-kesamaran hakiki (*fi nafs al-'amr*), sebaliknya ia berdasarkan persepsi mereka yang tampil mengithbatkannya ekoran persepsi mereka yang salah. Berdasarkan pengertian di atas, takrif ini membawa maksud bahawa Kalam ialah pengetahuan tentang perkara-perkara tertentu yang mana seseorang itu mampu bersamanya (pengetahuan itu),

maksudnya dia mencapai, 'bersama' penguasaan ilmu tersebut, dengan pencapaian berterusan dan biasa, suatu kemampuan yang sempurna untuk mengitbatkan pegangan-pegangan keagamaan kepada orang lain dan mempastikan penerimaannya dengan mengemukakan hujah-hujah dan menolak segala kesamaran darinya. Maka, pengemukaan hujah-hujah di sini menggambarkan wujudnya perkara yang hendak diithbatkan, manakala penolakan kesamaran-kesamaran itu pula menunjukkan ternafinya halangan [yang menghalang terithbatnya akidah yang benar].<sup>28</sup>

### b. Matlamat Ilmu Kalam

Manakala matlamat atau 'hasil' (*thamarah*) ilmu ini pula ialah untuk menguatkan keyakinan agama menerusi pendekatan

<sup>28</sup> Al-Tahānawī (1963/77), *Kashshāf Iṣṭilāḥāt al-’Ulūm wa al-Funūn*, Kaherah: al-Mu’assasah al-Miṣriyyah al-’Āmmah li al-Ta’lif wa al-Tarjamah wa al-Tibā’ah wa al-Nashr, 1:23. Teks Arabnya ialah:

فالمراد بالعلم معناه الأعم أو التصديق مطلقاً ليتناول إدراك المخطى في العقائد ودلائلها، ويمكن أن يراد به المعلوم، لكن بنوع تكليف، بأن يقال: علم أي معلوم يقتدر معه أي مع العلم به... إلخ. وفي صيغة الاقتدار تبيه على القدرة التامة، ويطلق المعرفة تبيه على الصلاحية الدائمة، فينطبق التعريف على العلم بجميع العقائد مع ما يتوقف عليه إثباتها من الأدلة ورد الشبه، لأن تلك القدرة على ذلك الإثبات إنما تصاحب هذا العلم دون العلم بالقرائن التي تستفاد منها صور الدلائل فقط... وفي اختيار "يقتدر" على "ثبت" إشارة إلى أن الإثبات بالفعل غير لازم. وفي اختيار "معه" على "به"، مع شروع استعماله، تبيه على انتفاء السببية الحقيقية للمبادرة من الباء، إذ المراد الترتيب العادي. وفي اختيار إثبات العقائد على تحصيلها بإشعار بأن ثمرة الكلام إثباتها على الغير، وبأن العقائد يجب أن توحد من الشرع ليعتمد هما، وإن كانت مما يستقل العقل فيه.

ولا يجوز حمل الإثبات ه هنا على التحصل والاكتساب إذ يلزم منه أن يكون العلم بالعقائد خارجاً عن علم الكلام ثمرة له، ولا خفاء في بطلانه... وليس المراد بالحجج والشبه ما هي كذلك في نفس الأمر بل بحسب زعم من تصدى للإثبات بناء على تناول المخطى... فحاصل الحال أنه علم بأمور يقتدر معه، أي يحصل مع ذلك العلم حصولاً دائمًا عاديًا، قدرة تامة على إثبات العقائد الدينية على الغير وإرهاصها إياه بإيراد الحجج ودفع الشبه عنها؛ فإبراد الحجج إشارة إلى وجود المقتضى ودفع الشبه إلى انتفاء المانع.

mengitihbatkan pegangan-pegangan keagamaan dengan [mengemukakan] dalil-dalil yang muktamad dan menolak segala kesamaran darinya, dan untuk mencapai suatu ‘bakat’ (*al-malakah*) yang memampukannya melaksanakan semua ini. Namun begitu, pendidikan keagamaan, pembentukan sifat ketakutan (*al-khashyah*) kepada Allah SWT dan keperihatinan berterusan (*al-murāqabah*) terhadapNya tidak termasuk dalam tugas tradisi ulama’ Kalam, dan aspek inilah yang mendapat kritikan Imām al-Ghazālī. Jadi matlamatnya, dengan kata lain, ialah untuk melahirkan individu alim Muslim yang mampu memperjelaskan hukum-hakam akidah Islam (*ahkām al-Islām al-I’tiqādiyyah*) dan prinsip-prinsip pemikirannya, dengan mengemukakan dalil ke atasnya dan membezakannya dari akidah dan prinsip-prinsip [kepercayaan] lain yang bercanggahan dengan Akidah Islam serta menolak segala kesamaran darinya. Para *mutakallimūn* menegaskan mengenai matlamat akhir yang ingin dicapai oleh ilmu ini sebagai: Sesungguhnya matlamat akhirnya ialah untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan kejayaan di akhirat. Ini adalah merupakan matlamat terakhir bagi agama secara keseluruhannya dan bagi segala usaha akal dan amalan manusia.

### c. Metode Ilmu Kalam

Seterusnya metode ilmu ini; ia diasaskan, secara umumnya, di atas konsep menghimpunkan di antara metode *syara'* dan metode akal. Persoalan ini akan dijelaskan secara terperinci. Metode ini, walau bagaimanapun, berbeza dari metode kajian falsafah tulin. Ini kerana Ilmu Kalam walaupun bersandarkan kepada dalil-dalil akal namun natijah dalil-dalil ini mestilah mempunyai sokongan (*shāhid*) dari *syara'* yang menyokong kebenarannya atau sebagaimana yang disebut oleh para *mutakallimūn*: “Ia bergantung kepada akal sebagai sandaran (*i’timādān*) dan kepada *syara'* sebagai pengambilkiraan (*i’tidādān*)”. Makna inilah yang dimaksudkan oleh al-Jurjānī ketika beliau menyebut: “di atas kanun Islam” sebagai menjelaskan perbezaannya, dari aspek metode, dengan kajian-kajian dan renungan-renungan falsafah tulin.

#### d. Topik Perbincangan Ilmu Kalam

Manakala dari aspek topik perbincangannya, iaitu perkara yang menjadi skop kajiannya dengan tujuan untuk menjelaskan segala sifat dan ciri-cirinya, sesungguhnya ia telah berkembang seiring dengan pelbagai peringkat perkembangan Ilmu Kalam yang berbeza-beza sebagaimana yang disebut oleh al-Taftāzānī dalam *Syarḥ al-Maqāṣid*.<sup>29</sup> "Topik perbincangannya ialah tentang pengetahuan (*al-ma'lūm*) [yang dikaji] dari aspek yang berkait dengan pengitihbatannya (iaitu pegangan-pegangan keagamaan)" (*wa mawdū'u hu al-ma'lūm min ḥaith yata'allaq bihi ithbātuḥā*). Beliau di sini membicarakan tentang Ilmu Kalam pada zamannya. Ini jelas apabila beliau sendiri menambah kemudiannya:

Para ilmuwan terdahulu berpendapat bahawa topik perbincangannya ialah tentang kewujudan (*al-mawjūd*) sebagaimana ia, dan ilmu ini diberikan dari Ilmu [Falsafah] Ketuhanan (Metafizik) dari aspek di mana kajiannya adalah berdasarkan kanun Islam [...] Dan dikatakan juga bahawa topik perbincangannya ialah *dhāt* Allah SWT semata-mata, atau termasuk *dhāt* makhluk (*al-mumkināt*) dari aspek kebergantungannya kepadaNya; kerana ilmu ini membincangkan persoalan ini. Oleh kerana inilah ilmu ini ditakrifkan sebagai ilmu yang mengkaji tentang hal-hal ehwal Pencipta merangkumi Sifat-sifatNya; yang thābit (*al-Thubūtiyyah*) dan yang salbi (*al-Salbiyyah*), Perbuatan-perbuatanNya yang berkait dengan hal-hal dunia dan akhirat, atau yang merangkumi hal-hal ehwal kewujudan wajib ada (*ahwāl al-wājib*) dan hal-hal ehwal makhluk (*ahwāl al-mumkināt*) di tempat mula [makhluk] (dunia) (*al-mabda'*) dan di tempat kembali [makhluk] (akhirat) (*al-ma'ād*) berdasarkan kanun Islam.

<sup>29</sup> Al-Taftāzānī (1377H.), *Syarḥ al-Maqāṣid*, Istanbul, h. 30.

### e. Hubungan dan Kedudukan Ilmu Kalam Dalam Tradisi Ilmu-ilmu Islam

Dari aspek hubungannya dengan ilmu-ilmu agama yang lain, dapatlah dijelaskan secara umumnya, berdasarkan takrif-takrif asas di atas, sebagaimana berikut: Dengan mengambilkira bahawa noktah mula atau asas pembahagian di sini ialah hukum syara' (*al-hukm al-shar'i*) - ini kerana sesungguhnya ilmu-ilmu yang mengkaji aspek-aspek Syariah Islamiyah itu sendiri, iaitu apa yang dikenali dahulunya sebagai 'Ilmu-ilmu *al-Maqāṣid*', tersusun dalam lima kelompok berikut: 1) Ulum al-Quran dan 2) Ulum al-Hadith; apabila kajianya menyentuh tentang sumber hukum syara', seterusnya 3) Ilmu Kalam dan 4) Ilmu Fiqh; apabila kajiannya menyentuh persoalan "hukum" itu sendiri, iaitu dari segi tabiatnya: sekiranya tabiatnya adalah berkaitan persoalan pegangan akidah maka ia dibahaskan dalam Ilmu Kalam dan jika selainnya maka ia dibahaskan dalam bidang Fiqh, dan akhirnya ialah ilmu 5) Usul al-Fiqh yang mengkaji kaedah-kaedah yang menentukan pengeluaran (*istinbāt*) hukum-hakam, tidak kira apa jua tabiatnya, dari sumber-sumbernya yang mu'tabar dari segi syara' - dari sini jelaslah bahawa Ilmu Kalam adalah ilmu yang mengkaji hukum-hakam akidah syara' (*al-ahkām al-i'tiqādiyyah al-shar'iyyah*) yang diambil dari Kitab dan Sunnah. Ia adalah satu bahagian yang seiring dengan Fiqh dalam bidang penelitian ilmiah keagamaan (*al-naẓār al-dīnī*), walaupun kedudukannya lebih tinggi dari Fiqh sebagaimana yang ditegaskan oleh imam terawal dari kalangan empat imam mujtahid (Imam Abū Hanīfah). Ini kerana ia menjelas dan menerangkan dasar-dasar yang menjadi asas dan tunjang bagi segala hukum-hakam taklif amali. Oleh yang demikian, para ilmuwan mengelarnya sebagai *Ketua Ilmu-ilmu Syara'*.

Dengan penjelasan di atas, jelaslah keaslian Kalam atau *Fiqh al-Akbar* serta kedudukannya yang teguh di kalangan ilmu-ilmu keagamaan Islam (*al-'ulūm al-Islāmiyyah al-dīniyyah*).